

Keng Liat catat sejarah

ALEX Lim Keng Liat mencatat sejarah apabila muncul perenang pertama Malaysia layak ke final Kejohanan Dunia.

Perenang negara dari Sabah itu menamatkan saingan separuh akhir 100m kuak lentang di tempat keempat dengan catatan masa 54.77 saat untuk memadam catatan 55.18 saat rekod kebangsaan miliknya.

23 JUL 2003

Berita Harian

Sukan

Menteri Britain

MENTERI Sukan Britain, Richard Brittain ke Malaysia, Bruce Cleghorn perenang negara Abdul Malek My Ingeris.

bhsukan@bharian.com.my • Tel: 03-20569369 • Faks: 03-22824340

B18

Surat PM suntik semangat

Daripada Zairee Zahir di Dover

"MALAYSIA Boleh. Dan saya yakin Malik boleh. Kami berdoa supaya Malik berjaya" – pesanan ringkas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi penyuntik semangat terakhir keuka perenang maraton Abdul Malik Mydin menunggu penuh debaran detik sesuai turun ke perairan Shakespear Beach di Dover dan berenang merentasi Selat Ingeris.

Surat dari Perdana Menteri yang amat bermakna itu disampaikan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein kepada Abdul Malik dalam pertemuan di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom semalam.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga akan mengikuti setiap 66,000 kuak yang dijangka dilakukan Abdul Malik untuk sampai di Calais, Perancis.

Hishammuddin berkata, usaha Abdul Malik itu juga diharap menjadi

contoh dan model kepada generasi muda Malaysia bahawa tiada sesuatu yang mustahil jika dilakukan dengan kesungguhan dan komitmen tinggi.

Ia juga diharap meneruskan siri kejayaan Malaysia menakluk dunia selepas kejayaan rakyatnya mendaki Gunung Everest, belayar solo mengelilingi dunia dan berbasikal mengelilingi dunia.

"Saya percaya Abdul Malik juga sedar harapan dan impian tinggi yang disandarkan kepadanya kerana Perdana Menteri mengikuti perkembangannya sejak awal lagi," Hishammuddin.

Hadir sama di sidang media itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom, Datuk Salleh Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha KBS, Datuk Talaat Husin dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Datuk Raja Ruslan Raja Samah.

Abdul Malik dijadualkan berenang merentasi Selat Ingeris dari Shakespear Beach di Dover ke Cap Griz

Nez di Calais, Perancis sejauh 32.8km hari ini. Begitupun, detik sebenar renangannya akan ditentukan CSPF selepas mengambil kira keadaan cuaca di perairan itu malam ini.

Jurulatih peribadi Abdul Malik, John Van Wisse yang bertemu wakil CSPF semalam berkata, adalah lebih baik Abdul Malik mula berenang di sebelah malam (11 malam waktu tempatan, 6 pagi waktu Malaysia) kerana keadaan perairan yang lebih tenang dan menamatkan renangan di sebelah siang.

Menurut Hishammuddin, berkat latihan keras sejak tiga tahun, perenang negara itu dijangka mampu menghadapi cuaca, suhu dan jarak yang terbentang di depannya.

"Walaupun mungkin dia berasa sedikit gusar dan khuatir ketika ini, saya percaya Abdul Malik akan dapat memfokuskan perasaan itu menjadi satu semangat yang membara," katanya.

Beliau berkata, kementeriannya

sudah menghubungi pihak pejabat kedutaan di United Kingdom dan Perancis untuk melakukan persiapan untuk memudahkan rakyat Malaysia di sini bersama-sama hadir di Dover dan Calais untuk memberi sokongan kepada Abdul Malik.

Selain itu, hubungan turut dijalin lebih awal dengan CSPF bagi membolehkan Abdul Malik diberi keutamaan mendapat ruang yang tepat dan sesuai untuk melakukan renangannya.

"Begitupun, disebabkan tarikh yang secara kebetulan jatuh pada masa musim cuti di sini, mungkin tidak ramai yang dapat hadir. Tetapi kita yakin jumlah yang akan memberi sokongan kepada Abdul Malik esok (hari ini) tetap besar dan cukup sebagai perangsang," kata Hishammuddin.

Mengenai soal ganjaran, beliau berkata pihak kementeriannya belum memikirkan bentuk ganjaran yang mungkin diterima perenang ne-

gara itu kerana ia bukan satu bentuk sukan tradisi.

Katanya, isu itu tidak timbul buat masa ini tetapi kerajaan mungkin akan memikirkannya sebaik Abdul Malik berjaya merealisasikan impiannya itu.

Dia turut memuji usaha dan sumbangan pihak swasta terutama Malaysian Electrical Corporation (MEC) yang banyak memberi bantuan dan sokongan terhadap Abdul Malik.

"Walaupun renangan seperti ini bukan satu bentuk sukan tradisi, kementerian berharap lebih banyak pihak swasta membantu menghulur bantuan termasuk Ekspedisi ke Antartika dan mendaki Gunung Everest yang akan dilakukan oleh rakyat Malaysia selepas ini," katanya.

Sementara itu, doktor peribadi Abdul Malik, Prof Dr Ahmad Farouk Musa berkata, keadaan fizikal Abdul Malik berada di tahap terbaik dan dia dijangka mampu mengharungi cabaran di selat itu.